

10 DEC 1999

BELANJAWAN-2000

BELANJAWAN 2000 AKAN DIBENTANG PADA 20 DIS

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Belanjawan 2000 akan dibentangkan di Parlimen Isnin 20 Dis, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mengumumkan senarai Kabinet baru negara, katanya Belanjawan yang sama, yang telah dibentangkan pada 29 Okt.

Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin selalu berseloroh bahawa beliau akna "memainkan semula pita yang sama" ketika merujuk kepada ucapan pembentangan Belanjawannya baru-baru ini.

Antara cadangan-cadangan Belanjawan 2000 yang dibentangkan sebelum ini ialah pengurangan satu peratus mata di dalam cukai pendapatan individu dan melanjutkan tempoh pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat ganti dan barangan penggunaan pada asas berpilih-pilih kepada sektor pembuatan kepada 31 Dis, 2000.

Belanjawan itu juga mencadangkan agar pelepasan cukai persendirian ditambah kepada RM8,000 dari RM5,000 sebelumnya. Dengan itu, kira-kira 213,000 orang atau kira-kira 15 peratus daripada pembayar cukai tidak perlu membayar cukai pendapatan.

Belanjawan tahun depan juga akan memaparkan bonus sebulan dan kenaikan gaji 10 peratus bagi kakitangan kerajaan.

Di samping itu, kerajaan juga melonggarkan beberapa syarat yang berkaitan dengan Skim Pinjaman Perumahan perbendaharaan bagi kakitangan kerajaan.

Di dalam pembentangan pada 29 Okt, Daim juga mengumumkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar 4.3 peratus bagi negara ini berbanding dengan unjuran awal pertumbuhan 1.0 peratus tahun ini. Tahun lalu, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 7.5 peratus. -- BERNAMA

RIZ SHY OS